



كِرَاءَانِ نِغَرِي كِءَاهِ دَارُءَامَانِ

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
WISMA DARUL AMAN
05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

26/6/19

11/6/19

Tel: 04-702 7000
Laman Web: www.kedah.gov.my
E-Mel: suk@kedah.gov.my

① Pn. Fauziah
② Pn. Hj. Siti Fatimah

Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Alor Setar.



Semua Yang Dipertua,
Pihak Berkuasa Tempatan,
Negeri Kedah Darul Aman.

Yang Dipertua,
Pihak Berkuasa Tempatan,
Hi-Tech Kulim.

YBhg. Dato' / Datuk / Tuan,

Handwritten notes:
Siti Fauziah
Maha Kanan
& Masha
Zaini Kanan
17/6/19

| | |
|----------------------------------|----------------------|
| Jabatan Perancangan & Landskap | PSU(K) 308-1440 (36) |
| Jabatan Perancangan & Landskap | 30 Mei 2019 |
| Jabatan Kejuruteraan | 25 Ramadhan 1440 |
| Jabatan Pengerusi | |
| Jabatan Perkhidmatan & Harta | |
| Jabatan Kesihatan & Persekitaran | |
| Jabatan Pengangkutan | |
| Jabatan Pembangunan Masyarakat | |
| Unit Audit Dalam | |
| Unit Undang-Undang | |
| Unit OSC | |
| Unit Khidmat Pelanggan | |

PT Fauziah

PEMBERITAHUAN TENTANG PEWARTAAN TARIKH PEMULAAN KUAT KUASA PERATURAN-PERATURAN PENGURUSAN STRATA (PENKOMPANIAN KESALAHAN) 2019

Dengan segala hormatnya merujuk surat daripada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan KPKT/800-1/1/2 Jld.5 (21) bertarikh 17 Mei 2019 mengenai perkara di atas.

Handwritten note:
sebagai hkn sbg salah satu undang 95 dan d'kompaun dan fail then. Bnding dgn saten lpd ay dan to pull.

2. Dimaklumkan bahawa Peraturan-Peraturan Strata (Pengkompunan Kesalahan) 2019 telah diwartakan secara atas talian di laman sesawang portal rasmi e-Warta Persekutuan pada 22 April 2019 dan berkuat kuasa mulai 2 Mei 2019.

3. Sehubungan dengan itu, besarlah harapan Kementerian ini memohon kerjasama pihak YBhg. Dato' / Datuk / Tuan untuk memaklumkan perkara ini kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah Negeri Kedah bagi pelaksanaan Peraturan-peraturan ini.

4. Bersama-sama ini dikemukakan sesalinan Peraturan-peraturan Pengurusan Strata (Pengkompunan Kesalahan) 2019 yang telah dicetak untuk perhatian pihak YBhg. Dato' / Datuk / Tuan. Sekiranya pihak YBhg. Dato' / Datuk / Tuan mempunyai sebarang pertanyaan lanjut, maka para pegawai berikut sedia membantu :

FAKS:

- | | | | |
|--|---------------|---|---------------|
| PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI | - 04-702 7100 | BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN | - 04-702 7900 |
| PEJ. TIBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN (PEMBANGUNAN) | - 04-702 7200 | BAHAGIAN ISTIADAT DAN PENGURUSAN MAJLIS | - 04-702 8100 |
| PEJ. TIBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN (PENGURUSAN) | - 04-702 7300 | MAJLIS SUKAN NEGERI | - 04-734 2622 |
| BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI | - 04-702 7400 | JABATAN INTEGRITI DAN TADBIR URUS | - 04-702 8200 |
| BAHAGIAN PERUMAHAN | - 04-702 7500 | UNIT AUDIT DALAM | - 04-702 8300 |
| BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN | - 04-702 7600 | BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT | - 04-702 8400 |
| BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA | - 04-702 7700 | SEKSYEN KEWANGAN | - 04-702 8500 |
| BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT | - 04-702 7800 | LEMBAGA BIASISWA NEGERI KEDAH | - 04-702 8600 |



PSU(K)308-1440 (36)

- i. Puan Ong Oi Ling
Ketua Penolong Setiausaha
Cawangan Penyelenggaraan Rumah Kos Rendah Awam
Bahagian Perkhidmatan Perbandaran
Tel.: 03-8891 4488
e-mel: oilong@kpkt.gov.my

- ii. Puan Sandra Emily Wong
Penolong Setiausaha Kanan
Unit Pembangunan Komuniti Strata
Bahagian Perkhidmatan Perbandaran
Te.: 03-8891 4346
e-mel: sandra@kpkt.gov.my

5. Perhatian dan kerjasama YBhg. Dato' / Datuk / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"KEDAH AMAN MAKMUR – HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH"

Saya yang menjalankan amanah,



(ABD. AZIZ BIN HASSAN,AMK., BCK.)

Setiausaha Bahagian

Bahagian Kerajaan Tempatan

b.p. Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman



22 April 2019
22 April 2019
P.U. (A) 116

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PENGURUSAN STRATA
(PENGKOMPANAN KESALAHAN) 2019

*STRATA MANAGEMENT (COMPOUNDING OF OFFENCES)
REGULATIONS 2019*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGURUSAN STRATA 2013

PERATURAN-PERATURAN PENGURUSAN STRATA
(PENGKOMPANAN KESALAHAN) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 150(2)(e) Akta Pengurusan Strata 2013 [*Akta 757*], Menteri selepas berunding dengan Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Pengkompunan Kesalahan) 2019**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 2 Mei 2019.

Kesalahan yang boleh dikompun

2. (1) Kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompun.

(2) Kesalahan yang boleh dikompun itu boleh dikompun dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya dalam Borang 1 Jadual Kedua.

Tawaran dan penyetujuteraan kompun

3. (1) Suatu tawaran untuk mengkompun kesalahan hendaklah dibuat dalam Borang 2 Jadual Kedua.

(2) Seseorang yang menyetujui terima tawaran untuk mengkompun suatu kesalahan yang boleh dikompun hendaklah menyetujui terima tawaran itu dalam Borang 3 Jadual Kedua.

Cara mengkompun

4. (1) Selepas suatu penyiasatan dijalankan dan didapati bahawa suatu kesalahan yang boleh dikompun telah dilakukan, Pesuruhjaya boleh mengeluarkan suatu Notis Tawaran untuk Mengkompun Kesalahan dalam Borang 2 Jadual Kedua.

(2) Tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan adalah sah bagi tempoh empat belas hari, dan jika pembayaran penuh bagi jumlah yang ditawarkan itu dibuat dalam tempoh empat belas hari itu, tiada prosiding selanjutnya boleh diambil terhadap orang yang telah melakukan kesalahan itu.

(3) Jika tiada pembayaran bagi kompaun yang telah ditawarkan itu dibuat pada atau sebelum habis tempoh masa yang dinyatakan dalam subperaturan (2), pendakwaan boleh dimulakan tanpa notis selanjutnya.

Pembayaran kompaun

5. (1) Jika suatu tawaran untuk mengkompaun kesalahan disetujui terima oleh orang yang kepadanya tawaran itu dibuat, dia hendaklah membayar kompaun itu—

(a) secara tunai;

(b) melalui kiriman wang, kiriman wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja" yang kena dibayar kepada Pesuruhjaya; atau

(c) melalui pemindahan wang secara elektronik.

(2) Pembayaran kompaun hendaklah diserahkan sendiri atau dihantar melalui pos berdaftar bayar dahulu ke alamat yang dinyatakan dalam Notis Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan.

(3) Tiap-tiap pembayaran kompaun yang diterima hendaklah didepositkan ke dalam akaun Kumpulan Wang Disatukan Negeri atau Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Suatu resit rasmi hendaklah dikeluarkan bagi tiap-tiap pembayaran yang diterima di bawah subperaturan (1) kepada orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu telah dibuat.

(5) Suatu resit rasmi yang dikeluarkan bagi maksud subperaturan (4) hendaklah termasuk apa-apa resit elektronik yang dikeluarkan jika pembayaran dibuat melalui pemindahan wang secara elektronik.

JADUAL PERTAMA
[Subperaturan 2(1)]

KESALAHAN YANG BOLEH DIKOMPAUN

Kesalahan yang berikut ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun:

(a) kesalahan yang dilakukan di bawah peruntukan Akta Pengurusan Strata 2013 seperti yang berikut:

- (i) subseksyen 6(6);
- (ii) subseksyen 9(5);
- (iii) subseksyen 10(7);
- (iv) subseksyen 11(7);
- (v) subseksyen 12(9);
- (vi) subseksyen 14(5);
- (vii) subseksyen 15(4);
- (viii) subseksyen 18(2);
- (ix) subseksyen 26(5);
- (x) subseksyen 27(4);
- (xi) subseksyen 29(3);
- (xii) subseksyen 30(2) dan (3);
- (xiii) subseksyen 34(3);
- (xiv) subseksyen 48(4);
- (xv) subseksyen 49(3);
- (xvi) subseksyen 50(4);
- (xvii) subseksyen 51(3);
- (xviii) subseksyen 54(5);
- (xix) subseksyen 55(4);
- (xx) subseksyen 57(2);
- (xxi) subseksyen 62(5);
- (xxii) subseksyen 72(2) dan (3);
- (xxiii) subseksyen 78(3);
- (xxiv) subseksyen 89(5);

- (xxv) subseksyen 91(2);
- (xxvi) subseksyen 92(6); dan
- (xxvii) subseksyen 151(2); dan

(b) kesalahan yang dilakukan di bawah peruntukan Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015 [*P.U. (A) 107/2015*] seperti yang berikut:

- (i) subperaturan 6(5);
- (ii) subperaturan 7(4);
- (iii) subperaturan 9(7) dan (8);
- (iv) subperaturan 19(2);
- (v) subperaturan 21(5);
- (vi) subperaturan 25(3);
- (vii) subperaturan 30(2);
- (viii) subperaturan 32(5);
- (ix) subperaturan 34(2);
- (x) subperaturan 43(5);
- (xi) subperaturan 44(3);
- (xii) subperaturan 63(2); dan
- (xiii) peraturan 70.

JADUAL KEDUA

BORANG 1
[Subperaturan 2(2)]

KEIZINAN UNTUK MENGGOMPAUN KESALAHAN

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 135(2) Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757] dan subseksyen 376(3) Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593], saya, (nama) dengan ini memberi keizinan untuk mengkompaun (nama orang yang kepadanya tawaran kompaun itu dibuat) bagi kesalahan yang dilakukan di bawah yang dikatakan dilakukan pada (tarikh) di (tempat)

Bertarikh hari bulan 20.....

.....
Pendakwa Raya/
Timbalan Pendakwa Raya

BORANG 2
[Subperaturan 3(1)]

AKTA PENGURUSAN STRATA 2013

PERATURAN-PERATURAN PENGURUSAN STRATA
(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2019

NOTIS TAWARAN UNTUK MENGGOMPAUN KESALAHAN

Apabila menjawab sila catatkan:

Nombor rujukan :.....

Tarikh :

Kepada:

.....
.....
.....

Tuan/Puan*,

Suatu penyiasatan telah dijalankan terhadap anda/
.....*

(nyatakan nama syarikat/perniagaan/badan lain dan no. pendaftaran, jika ada)*

dan anda didapati telah melakukan kesalahan di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757]/peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta dengan butir-butir yang berikut:

(a) peruntukan Akta/peraturan-peraturan yang berkaitan*:

.....
.....

(b) tarikh:

(c) masa:

(d) tempat:

(e) butir-butir kesalahan:

.....

2. Menurut subseksyen 135(2) Akta Pengurusan Strata 2013, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, anda ditawarkan suatu kompaun bagi kesalahan yang dinyatakan di atas bagi jumlah wang sebanyak RM (Ringgit Malaysia sahaja).

3. Jika tawaran untuk mengkompaun diterima, pembayaran hendaklah dibuat secara tunai/kiriman wang/kiriman wang pos/pesanan juruwang/ pesanan bank/draf bank dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja" yang kena dibayar kepada Pesuruhjaya atau melalui pemindahan wang secara elektronik, dan boleh diserahkan sendiri atau dihantar melalui pos berdaftar bayar dahulu ke alamat yang berikut:

Pesuruhjaya

.....
.....
.....

4. Suatu resit rasmi akan dikeluarkan apabila pembayaran kompaun itu diterima.

5. Tawaran ini sah sehingga

6. Jika tiada bayaran diterima dalam tempoh yang disebut dalam perenggan 5, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan terhadap anda tanpa notis selanjutnya.

Tarikh:

.....
Untuk dan bagi pihak Pesuruhjaya

Nama:

Jawatan:

Cop rasmi:

* Potong mana-mana yang tidak berkenaan

**Nyatakan butiran dan gunakan lampiran jika perlu

BORANG 3
[Subperaturan 3(2)]

AKTA PENGURUSAN STRATA 2013

PERATURAN-PERATURAN PENGURUSAN STRATA
(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2019

PENYETUJUTERIMAAN UNTUK MENGGOMPAUN KESALAHAN

Kepada:

Pesuruhjaya

.....
.....
.....

Saya merujuk kepada Notis Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan dengan nombor rujukan bertarikh

2. Saya mengaku bahawa saya telah melakukan kesalahan ini dan saya menerima tawaran untuk mengkompaun itu dan disertakan bersama ini wang tunai/ kiriman wang/ kiriman wang pos/ pesanan juruwang/ pesanan bank /draf bank* No. dipalng dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja" yang kena dibayar kepada Pesuruhjaya atau melalui pemindahan wang secara elektronik bagi jumlah RM..... (Ringgit Malaysia sahaja) sebagai bayaran penyelesaian penuh bagi jumlah wang yang dinyatakan dalam perenggan 2 Notis Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan.

Tandatangan:

Nama (*huruf besar*):

Nombor Kad Pengenalan:

Jawatan:

Nama syarikat/perniagaan atau badan lain*:

Meterai syarikat/ Cop perniagaan/ badan lain* (*jika berkenaan*):

No. Pendaftaran syarikat/No. Lesen/No. Permit* (*jika berkenaan*):

Alamat:

Tarikh:

* Potong mana-mana yang tidak berkenaan

Dibuat 2 April 2019
[KPKT/PUU/(S)/8/09 Jld.6; PN(PU2)729/IV]

HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

STRATA MANAGEMENT ACT 2013

STRATA MANAGEMENT (COMPOUNDING OF OFFENCES)
REGULATIONS 2019

IN exercise of the powers conferred by paragraph 150(2)(e) of the Strata Management Act 2013 [Act 757], the Minister, after consultation with the National Council for Local Government, makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as **the Strata Management (Compounding of Offences) Regulations 2019**.

(2) These Regulations come into operation on 2 May 2019.

Compoundable offences

2. (1) The offences specified in the First Schedule are prescribed to be compoundable offences.

(2) The compoundable offences may be compounded with the consent in writing of the Public Prosecutor in Form 1 of the Second Schedule.

Offer and acceptance of compound

3. (1) An offer to compound an offence shall be made in Form 2 of the Second Schedule.

(2) A person who accepts an offer to compound a compoundable offence shall accept the offer in Form 3 of the Second Schedule.

Method of compounding

4. (1) After an investigation has been conducted and it is found that a compoundable offence has been committed, the Commissioner may issue a Notice of Offer to Compound Offence in Form 2 of the Second Schedule.